

10 pelajar dapat Biasiswa Yang di-Pertuan Agong

Anak kepada penjual ais, Gan Siaw Chin, adalah antara 12 penuntut yang dipilih untuk menerima Biasiswa Yang di-Pertuan Agong bagi sesi pengajian di peringkat sarjana.

Anak sulung daripada tujuh beradik yang berasal dari Segamat, Johor berasa bertuah dan syukur diberikan biasiswa bagi meneruskan pengajian di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor tanpa perlu mengharungi halangan kewangan.

"Sekarang saya boleh menumpukan perhatian sepenuhnya. Saya kini berada di semester kedua pengajian sarjana bidang Kejuruteraan Bioproses, pengkhususan Kosmeseutikal," kata gadis berusia 24 tahun itu.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menerima biasiswa itu daripada Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin di lobi Dewan Rakyat, semalam.

Selain Siaw Chin, lima lagi pelajar turut dipilih oleh Jawatan

kuasa Biasiswa Yang di-Pertuan Agong bagi menerima biasiswa dalam bidang sains dan teknologi serta undang-undang.

Lanjut pelajaran

Biasiswa itu bagi membolehkan mereka melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD) di universiti tempatan dan luar negara.

Nor Kamal Ariff Nor Hisham Shah, 25, memilih untuk menyambung pengajian sarjana dalam bidang Hortikultur di Universiti Cornell di Amerika Syarikat kerana beliau berminat melakukan kajian berkaitan tumbuhan.

Empat lagi penerima di peringkat sarjana ialah Afifah Mohamed yang melanjutkan pelajaran dalam bidang Sains dan Teknologi di Kolej Imperial London, United Kingdom; Shivnand Sivamohan (Undang-Undang, Universiti Harvard); Sya-zreen Sophia Abdul Halim (Sains Persekitaran, Universiti Sains



Muhyiddin beramah mesra dengan penerima **Biasiswa Yang di-Pertuan Agong** di Bangunan Parlimen, semalam (FOTO SAIRIEN NAFIS/BH)

Malaysia (USM)) dan Seow Khai Jou (Bioteknologi, UTM).

Enam penerima biasiswa di peringkat pengajian PhD ialah Siti Nur Kamaliah Kamarudin (Intelligent System, Universiti Oxford); Roszaharah Yaacob (Sains Forensik, USM); Mohd Azrul Salleh Putin (Genetik, Universiti Putra Malaysia); Norkasmani Aziz (Bahan

Maju, Universiti Malaya); Ng Wai Hoe (Biologi Seldan Molekul, USM) dan Chua Hooi Chin (Sains Komputer, USM).

Biasiswa itu diperkenalkan kerajaan pada 2006 menerusi Jabatan Perkhidmatan Awam dan diberikan kepada warga Malaysia yang cemerlang dalam akademik.